

04/08/1997

Pakistan yakin hubungan ekonomi lebih kukuh

KUALA LUMPUR, Ahad - Pakistan yakin dapat mencipta kerjasama yang lebih menguntungkan dengan Malaysia hasil lawatan rasmi selama tiga hari Perdana Menteri, Nawaz Shariff.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sebelum berangkat pulang hari ini, Nawaz berkata lawatan itu juga sekali gus mengukuhkan hubungan rapat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara.

"Selain mengukuhkan hubungan ekonomi yang memberi faedah bersama, perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut meliputi isu kepentingan bersama serantau dan global," katanya.

Dr Mahathir turut berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, untuk mengucapkan selamat jalan kepada Nawaz.

Lawatan ini yang pertama bagi Nawaz ke negara Asia Timur sejak dilantik semula sebagai Perdana Menteri selepas partinya Liga Muslim memenangi pilihan raya pada Februari lalu.

Menurutnya, Malaysia dan Pakistan bersetuju untuk mengukuhkan hubungan dagang dua hala dan bagi mempromosikan usaha sama di Pakistan serta negara dunia ketiga dengan menggunakan kemudahan dan kelebihan yang ada di negara masing-masing.

"Di samping itu, saya juga gembira kerana kedua-dua negara bersetuju untuk mengadakan kerjasama pelbagai dimensi.

"Saya berharap pelabur Malaysia akan merebut peluang yang ditawarkan Pakistan terutama membabitkan tenaga pekerja, sumber asli dan kedudukan strategiknya sebagai pintu masuk dan keluar bagi pasaran serantau," katanya.

Beliau berkata, lawatan ini juga banyak memberi pendedahan kepada delegasinya melihat dengan lebih dekat rancangan pembangunan Malaysia dan banyak mempelajari daripada pengalaman luas Malaysia terutama membabitkan konsep penswastaan.

Dalam lawatan tiga hari itu, Malaysia dan Pakistan menandatangani perjanjian yang bernilai RM104 juta bagi syarikat Malaysia membina zon pemprosesan di wilayah Punjab.

Kedua-dua negara juga menandatangani perjanjian persefahaman dalam bidang ketenteraan.

Lawatan ini adalah yang pertama kali dilakukan Sharif selepas Presiden Farooq Ahmed Leghari membubarkan kerajaan Benazir Bhutto pada November lalu kerana didakwa mengamalkan pentadbiran rasuah.

(END)